



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 884

**AKTA RAPID TRANSIT SYSTEM LINK
JOHOR BAHRU-SINGAPURA 2026**

Tarikh Perkenan Diraja	12 Jun 2026
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	26 Jun 2026

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 884

AKTA RAPID TRANSIT SYSTEM LINK JOHOR BAHRU-SINGAPURA 2026

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pemakaian
4. Akta hendaklah dibaca bersama-sama undang-undang bertulis Malaysia yang lain
5. Perkiraan bersaling oleh Kerajaan Republik Singapura

BAHAGIAN II

ENTITI PERANTARA

6. Entiti perantara

BAHAGIAN III

PENGERAHAN TUGAS PEGAWAI PENGUAT KUASA

7. Pengerahan tugas pegawai penguat kuasa Malaysia di Stesen Woodlands North
8. Pengerahan tugas pegawai penguat kuasa Republik Singapura di Stesen Bukit Chagar
9. Pengerahan tugas pegawai penguat kuasa dalam hal keadaan luar biasa
10. Pengerahan tugas sebelum bermulanya perkhidmatan Rapid Transit System Link

BAHAGIAN IV**KUASA PEGAWAI PENGUAT KUASA**

Seksyen

11. Kuasa pegawai penguat kuasa di kawasan ditetapkan
12. Undang-undang bertulis yang terpakai di kawasan ditetapkan

BAHAGIAN V**PENGURUSAN INSIDEN RENTAS SEMPADAN**

13. Pemberitahuan insiden rentas sempadan atau insiden lain
14. Insiden rentas sempadan atau insiden lain yang berlaku di dalam kereta api Rapid Transit System Link semasa dalam transit
15. Insiden rentas sempadan atau insiden lain yang berlaku di atas lintasan atau landasan Rapid Transit System Link
16. Bantuan dan sokongan
17. Pergerakan rentas sempadan semasa insiden rentas sempadan berlaku
18. Kuasa pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura

BAHAGIAN VI**BIDANG KUASA JENAYAH**

19. Bidang kuasa jenayah berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan di dalam kereta api Rapid Transit System Link semasa dalam transit dan di atas lintasan dan landasan Rapid Transit System Link
20. Bidang kuasa jenayah berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan di kawasan ditetapkan di Stesen Woodlands North
21. Bidang kuasa mahkamah Malaysia

BAHAGIAN VII**PERLINDUNGAN DAN KEISTIMEWAAN**

22. Perlindungan pegawai penguat kuasa Republik Singapura dan pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura
23. Perlindungan dokumen rasmi, dsb., Republik Singapura
24. Perlindungan data

Seksyen

25. Perkiraan yang berhubungan dengan barangan pegawai penguat kuasa Republik Singapura
26. Peruntukan yang berhubungan dengan kesalahan terhadap pegawai penguat kuasa Republik Singapura dan pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura

BAHAGIAN VIII

AM

27. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
28. Kuasa untuk meminda Jadual

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 884

AKTA RAPID TRANSIT SYSTEM LINK JOHOR BAHRU-SINGAPURA 2026

Suatu Akta untuk menguatkuasakan kewajipan Kerajaan Malaysia di bawah peruntukan tertentu dalam Perjanjian-Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Singapura mengenai Rapid Transit System Link Johor Bahru–Singapura yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi pelepasan kastam, imigresen dan kuarantin dan fungsi keselamatan di kemudahan kastam, imigresen dan kuarantin terletak bersama di dalam kawasan ditetapkan di Stesen Bukit Chagar, Johor Bahru di Malaysia dan Stesen Woodlands North di Republik Singapura dan pengurusan insiden rentas sempadan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

[]

BAHAWASANYA adalah suai manfaat untuk menguatkuasakan Perjanjian Dua Hala antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Singapura mengenai Rapid Transit System Link Johor Bahru–Singapura yang dibuat di Republik Singapura pada 16 Januari 2018, yang termasuk, antara lain, Surat Pindaan kepada Perjanjian Dua Hala itu yang ditukar melalui nota diplomatik antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Singapura bertarikh 30 Julai 2020;

DAN BAHAWASANYA Perjanjian Tambahan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Singapura mengenai Rapid Transit System Link Johor Bahru–Singapura telah dibuat di Republik Singapura pada 4 Disember 2025;

DAN BAHAWASANYA di bawah Perkara 18(2) Perjanjian Tambahan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Singapura mengenai Rapid Transit System Link Johor Bahru–Singapura, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk menggubal perundangannya masing-masing untuk menguatkuasakan peruntukan tertentu Perjanjian Dua Hala dan Perjanjian Tambahan itu;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Rapid Transit System Link Johor Bahru-Singapura 2026.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“agensi penguatkuasaan Malaysia” ertinya—

(a) Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia;

(b) Polis Diraja Malaysia;

(c) Jabatan Kastam Diraja Malaysia;

- (d) Agensi Antidadah Kebangsaan;
- (e) Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan Kementerian Dalam Negeri; atau
- (f) mana-mana agensi, jabatan atau pihak berkuasa lain yang ditentukan oleh Menteri;

“entiti perantara” ertinya suatu entiti yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia bagi maksud Perjanjian-Perjanjian;

“insiden keselamatan awam” ertinya suatu insiden yang terdapat ancaman bahaya atau bahaya sebenar yang timbul daripada suatu perbuatan yang boleh menyebabkan kecederaan atau kematian secara besar-besaran dan yang menghendaki suatu tindak balas melebihi langkah-langkah rutin;

“insiden rentas sempadan” ertinya insiden kebakaran atau penyelamatan, insiden bahan berbahaya, kecemasan perubatan, atau insiden keselamatan awam yang berlaku—

- (a) di dalam kereta api Rapid Transit System Link semasa dalam transit;
- (b) di atas lintasan Rapid Transit System Link antara Tiang 47 dengan Tiang 48; atau
- (c) di atas landasan Rapid Transit System Link antara Tiang 47 dengan Tiang 48;

“kawasan ditetapkan” ertinya kawasan sebagaimana yang ditandakan dalam peta yang dinyatakan dalam Perjanjian-Perjanjian yang terdiri daripada—

- (a) berhubung dengan Stesen Bukit Chagar—
 - (i) kemudahan kastam, imigresen dan kuarantin terletak bersama Kerajaan Republik Singapura;
 - (ii) platform kereta api berlepas;
 - (iii) arah laluan antara kawasan-kawasan yang disebut dalam subperenggan (i) dan (ii);

- (iv) bilik pemantauan televisyen litar tertutup bersama;
- (v) laluan dan bilik penyerahan bagi orang dalam jagaan; dan
- (vi) pejabat tertutup bagi pegawai penguat kuasa Republik Singapura; dan

(b) berhubung dengan Stesen Woodlands North—

- (i) kemudahan kastam, imigresen dan kuarantin terletak bersama Kerajaan Malaysia;
- (ii) platform kereta api berlepas;
- (iii) arah laluan antara kawasan-kawasan yang disebut dalam subperenggan (i) dan (ii);
- (iv) bilik pemantauan televisyen litar tertutup bersama;
- (v) laluan dan bilik penyerahan bagi orang dalam jagaan; dan
- (vi) pejabat tertutup bagi pegawai penguat kuasa Malaysia;

“kemudahan kastam, imigresen dan kuarantin terletak bersama” ertinya suatu kawasan di dalam kawasan ditetapkan yang fungsi pelepasan kastam, imigresen dan kuarantin dan fungsi keselamatan dilaksanakan di Stesen Bukit Chagar atau di Stesen Woodlands North;

“Kerajaan-Kerajaan” ertinya Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura;

“kereta api Rapid Transit System Link semasa dalam transit” ertinya kereta api atau kenderaan perkhidmatan Rapid Transit System Link yang dalam perjalanan di antara Stesen Bukit Chagar dan Stesen Woodlands North, bermula ketika kereta api atau kenderaan perkhidmatan itu berlepas dari atau melalui salah satu daripada stesen-stesen ini sehingga ketika sebaik sebelum kereta api atau kenderaan perkhidmatan itu berhenti di atau melalui stesen yang sama apabila kembali atau berhenti di atau melalui stesen yang lain, mengikut mana-mana yang berlaku dahulu;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri di Malaysia;

“pegawai penguat kuasa Malaysia” ertinya seorang pegawai agensi penguatkuasaan Malaysia;

“pegawai penguat kuasa Republik Singapura” ertinya seorang pegawai agensi penguatkuasaan Republik Singapura;

“pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Malaysia” ertinya seorang pegawai awam yang dilantik atau mana-mana orang lain yang diambil kerja oleh Kerajaan Malaysia untuk bertindak balas terhadap dan menguruskan suatu insiden rentas sempadan;

“pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura” ertinya seorang pegawai awam yang dilantik atau mana-mana orang lain yang diambil kerja oleh Kerajaan Republik Singapura untuk bertindak balas terhadap dan menguruskan suatu insiden rentas sempadan;

“Perjanjian-Perjanjian” ertinya Perjanjian Dua Hala dan Perjanjian Tambahan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Singapura yang berhubungan dengan Rapid Transit System Link Johor Bahru-Singapura;

“Perjanjian Dua Hala” ertinya Perjanjian Dua Hala antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Singapura yang berhubungan dengan Rapid Transit System Link Johor Bahru-Singapura;

“perkhidmatan Rapid Transit System Link” ertinya semua perkhidmatan kereta api penumpang yang beroperasi di antara Stesen Bukit Chagar dan Stesen Woodlands North;

“Rapid Transit System Link” ertinya suatu jaringan kereta api yang merentasi Selat Johor bagi penyediaan perkhidmatan Rapid Transit System Link dan termasuklah infrastruktur Rapid Transit System Link dan aset Rapid Transit System Link;

“Stesen Bukit Chagar” ertinya Stesen Rapid Transit System Link Bukit Chagar di Johor Bahru di Malaysia;

“Stesen Woodlands North” ertinya Stesen Rapid Transit System Link Woodlands North di Republik Singapura;

“tugas pengurusan insiden” ertinya fungsi keselamatan, pemadaman api, penyelamatan, tindak balas bahan berbahaya atau tindak balas perubatan;

“tugas rasmi” ertinya fungsi pelepasan kastam, imigresen dan kuarantin dan fungsi keselamatan.

Pemakaian

3. Akta ini hendaklah terpakai—

- (a) bagi tempoh semasa Perjanjian-Perjanjian berkuat kuasa;
- (b) bagi pegawai penguat kuasa Malaysia yang melaksanakan tugas rasmi di kawasan ditetapkan di Stesen Woodlands North;
- (c) bagi pegawai penguat kuasa Republik Singapura yang melaksanakan tugas rasmi di kawasan ditetapkan di Stesen Bukit Chagar; dan
- (d) bagi pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Malaysia dan pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura yang melaksanakan tugas pengurusan insiden berkenaan dengan suatu insiden rentas sempadan.

Akta hendaklah dibaca bersama-sama undang-undang bertulis Malaysia yang lain

4. (1) Akta ini hendaklah dibaca bersama-sama mana-mana undang-undang bertulis Malaysia yang lain yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi pelepasan kastam, imigresen dan kuarantin dan fungsi keselamatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dan pengurusan insiden rentas sempadan, dan peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan undang-undang bertulis lain itu.

(2) Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain itu, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai dan peruntukan undang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah, setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu, disifatkan digantikan.

Perkiraan bersaling oleh Kerajaan Republik Singapura

5. Pemberian apa-apa tugas, kuasa, perlindungan atau keistimewaan kepada pegawai penguat kuasa Republik Singapura dan pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura di bawah Akta ini menurut Perjanjian-Perjanjian adalah tertakluk dan bergantung kepada, Kerajaan Republik Singapura mengadakan peruntukan yang bersamaan dan bersaling berkenaan dengan pegawai penguat kuasa Malaysia dan pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Malaysia di bawah undang-undang bertulis Republik Singapura.

BAHAGIAN II

ENTITI PERANTARA

Entiti perantara

6. Entiti perantara hendaklah menyelaras, mengurus dan memudahkan pengerahan tugas pegawai penguat kuasa Malaysia di Stesen Woodlands North dan pegawai penguat kuasa Republik Singapura di Stesen Bukit Chagar.

BAHAGIAN III

PENGERAHAN TUGAS PEGAWAI PENGUAT KUASA

Pengerahan tugas pegawai penguat kuasa Malaysia di Stesen Woodlands North

7. (1) Ketua Jabatan bagi agensi penguatkuasaan Malaysia boleh mengerah tugas apa-apa bilangan pegawai penguat kuasa Malaysia agensi penguatkuasaan itu sebagaimana yang perlu di Stesen Woodlands North bagi maksud pegawai penguat kuasa Malaysia itu melaksanakan tugas rasmi.

(2) Pengerahan tugas pegawai penguat kuasa Malaysia di Stesen Woodlands North di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada kelulusan bertulis terlebih dahulu Kerajaan Republik Singapura yang hendaklah diberikan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh Kerajaan Republik Singapura menerima butiran lengkap mengenai pegawai penguat kuasa Malaysia itu daripada Kerajaan Malaysia.

(3) Kerajaan Republik Singapura boleh menyebabkan supaya dikeluarkan suatu pas berkaitan kepada setiap pegawai penguat kuasa Malaysia yang pengerahan tugasnya telah diluluskan di bawah subseksyen (2).

(4) Pegawai penguat kuasa Malaysia yang kepadanya telah dikeluarkan pas berkaitan di bawah subseksyen (3) hendaklah, atas permintaan oleh pihak berkuasa Kerajaan Republik Singapura, mengemukakan pasnya atau keterangan mengenai identitinya yang lain untuk pengesahan semasa melaksanakan tugas rasmi di Stesen Woodlands North.

(5) Seorang pegawai penguat kuasa Malaysia boleh, semasa melaksanakan tugas rasmi di Stesen Woodlands North, memakai pakaian seragam atau apa-apa lambang tersendiri yang jelas kelihatan agensi penguatkuasaannya.

(6) Kerajaan Malaysia hendaklah memanggil balik mana-mana pegawai penguat kuasa Malaysia yang dikerah tugas di Stesen Woodlands North jika dikehendaki oleh Kerajaan Republik Singapura.

(7) Kerajaan Malaysia hendaklah, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh pengerahan tugas seseorang pegawai penguat kuasa Malaysia di Stesen Woodlands North tamat, memberitahu Kerajaan Republik Singapura secara bertulis.

(8) Jika seseorang pegawai penguat kuasa Malaysia dipanggil balik di bawah subseksyen (6) atau pengerahan tugasnya tamat, Kerajaan Malaysia hendaklah memastikan supaya pas berkaitan yang dikeluarkan kepada pegawai penguat kuasa Malaysia itu di bawah subseksyen (3) diserahkan balik kepada Kerajaan Republik Singapura selewat-lewatnya pada hari terakhir pengerahan tugas pegawai penguat kuasa Malaysia itu.

Pengerahan tugas pegawai penguat kuasa Republik Singapura di Stesen Bukit Chagar

8. (1) Pengerahan tugas seseorang pegawai penguat kuasa Republik Singapura di Stesen Bukit Chagar bagi pelaksanaan tugas rasmi hendaklah tertakluk kepada kelulusan bertulis terlebih dahulu Kerajaan Malaysia yang hendaklah diberikan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh Kerajaan Malaysia menerima butiran lengkap mengenai pegawai penguat kuasa Republik Singapura itu daripada Kerajaan Republik Singapura.

(2) Kerajaan Malaysia boleh menyebabkan supaya dikeluarkan suatu pas keselamatan kepada setiap pegawai penguat kuasa Republik Singapura yang pengerahan tugasnya telah diluluskan di bawah subseksyen (1).

(3) Pegawai penguat kuasa Republik Singapura yang kepadanya telah dikeluarkan suatu pas keselamatan di bawah subseksyen (2) hendaklah, atas permintaan oleh pihak berkuasa Kerajaan Malaysia, mengemukakan pas keselamatannya atau keterangan mengenai identitinya yang lain untuk pengesahan semasa melaksanakan tugas rasmi di Stesen Bukit Chagar.

(4) Seorang pegawai penguat kuasa Republik Singapura boleh, semasa melaksanakan tugas rasmi di Stesen Bukit Chagar, memakai pakaian seragam atau apa-apa lambang tersendiri yang jelas kelihatan agensi penguatkuasaannya.

(5) Kerajaan Malaysia boleh pada bila-bila masa, menghendaki Kerajaan Republik Singapura untuk memanggil balik mana-mana pegawai penguat kuasa Republik Singapura yang dikerah tugas di Stesen Bukit Chagar tanpa memberikan apa-apa sebab dan Kerajaan Republik Singapura hendaklah memanggil balik pegawai penguat kuasa itu.

(6) Kerajaan Republik Singapura hendaklah, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh pengerahan tugas seseorang pegawai penguat kuasa Republik Singapura di Stesen Bukit Chagar tamat, memberitahu Kerajaan Malaysia secara bertulis.

(7) Jika seseorang pegawai penguat kuasa Republik Singapura dipanggil balik di bawah subseksyen (5) atau pengerahan tugasnya tamat, Kerajaan Republik Singapura hendaklah memastikan supaya pas keselamatan yang dikeluarkan kepada pegawai penguat kuasa Republik Singapura itu di bawah subseksyen (2) diserahkan kepada Kerajaan Malaysia selewat-lewatnya pada hari terakhir pengerahan tugas pegawai penguat kuasa Republik Singapura itu.

Pengerahan tugas pegawai penguat kuasa dalam hal keadaan luar biasa

9. (1) Walau apa pun seksyen 7 dan 8, Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Republik Singapura dalam hal keadaan luar biasa, boleh, tanpa memperoleh kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada satu sama lain, mengerah tugas pegawai penguat kuasa Malaysia atau pegawai penguat kuasa Republik Singapura untuk melaksanakan tugas rasmi di Stesen Bukit Chagar atau Stesen Woodlands North bagi tempoh tidak melebihi tiga hari dengan syarat bahawa sebelum pengerahan tugas itu—

- (a) Kerajaan yang mengerah tugas pegawai penguat kuasa memberitahu dengan seberapa segera yang praktik Kerajaan yang satu lagi tentang hal keadaan luar biasa yang memerlukan pengerahan tugas itu dan memberikan Kerajaan yang satu lagi butiran lengkap pegawai penguat kuasa yang akan dikerah tugas; dan
- (b) Kerajaan yang satu lagi telah mengaku terima penerimaan secara bertulis butiran lengkap sebagaimana yang diberikan oleh Kerajaan yang mengerah tugas.

(2) Jika hal keadaan luar biasa itu terus wujud melebihi tiga hari, Kerajaan yang mengerah tugas boleh meminta daripada Kerajaan yang satu lagi untuk kelulusan—

- (a) bagi melanjutkan pengerahan tugas pegawai penguat kuasanya bagi bilangan hari tertentu yang semunasabahnya perlu sehingga hal keadaan luar biasa itu telah berkurangan atau berakhir; atau
- (b) jika bilangan hari tertentu itu tidak mungkin dapat ditentukan, bagi meneruskan pengerahan tugas pegawai penguat kuasa itu tertakluk kepada peruntukan seksyen 7 dan 8.

(3) Sementara menunggu kelulusan bagi pelanjutan atau penerusan pengerahan tugas di bawah seksyen (2), pegawai penguat kuasa itu boleh terus dikerah tugas di Stesen Bukit Chagar atau Stesen Woodlands North, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Seorang pegawai penguat kuasa Malaysia atau pegawai penguat kuasa Republik Singapura yang dikerah tugas di bawah seksyen ini boleh, semasa melaksanakan tugas rasmi di Stesen Bukit Chagar atau Stesen Woodlands North, mengikut mana-mana yang berkenaan, memakai pakaian seragam atau apa-apa lambang tersendiri yang jelas kelihatan agensi penguatkuasaannya.

(5) Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Republik Singapura boleh pada bila-bila masa, menghendaki Kerajaan yang satu lagi untuk memanggil balik mana-mana pegawai penguat kuasanya yang dikerah tugas di bawah seksyen ini tanpa memberikan apa-apa sebab.

(6) Bagi maksud seksyen ini, “hal keadaan luar biasa” ertinya—

- (a) gangguan kepada sistem atau proses yang berhubungan dengan fungsi pelepasan kastam, imigresen dan kuarantin dan fungsi keselamatan;
- (b) suatu kejadian kesihatan awam yang serius yang diisytiharkan sama ada oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Republik Singapura;
- (c) penjalanan semula operasi perkhidmatan kereta api berikutan apa-apa penggantungan perkhidmatan itu; atau
- (d) apa-apa hal keadaan luar biasa lain sebagaimana yang dipersetujui oleh Kerajaan-Kerajaan.

Pengerahan tugas sebelum bermulanya perkhidmatan Rapid Transit System Link

10. (1) Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Republik Singapura boleh, sebelum bermulanya perkhidmatan Rapid Transit System Link, mengerah tugas pegawai penguat kuasanya di Stesen Woodlands North atau Stesen Bukit Chagar, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi maksud pegawai penguat kuasa itu menjalankan apa-apa kerja persediaan yang berkaitan dengan pelaksanaan tugas rasminya.

(2) Seksyen 7 dan 8 hendaklah terpakai bagi maksud penderahan tugas pegawai penguat kuasa Malaysia dan pegawai penguat kuasa Republik Singapura di bawah seksyen ini.

(3) Pegawai penguat kuasa Malaysia dan pegawai penguat kuasa Republik Singapura yang dikerah tugas di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai telah dikerah tugas bagi maksud melaksanakan tugas rasmi dan hendaklah mempunyai kuasa yang sama yang diberikan terhadap dan perlindungan yang sama yang diberikan kepada pegawai penguat kuasa yang melaksanakan tugas rasmi di bawah Akta ini.

BAHAGIAN IV

KUASA PEGAWAI PENGUAT KUASA

Kuasa pegawai penguat kuasa di kawasan ditetapkan

11. (1) Bagi maksud melaksanakan tugas rasmi di kawasan ditetapkan di Stesen Bukit Chagar, seseorang pegawai penguat kuasa Republik Singapura hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk menghendaki seseorang yang memasuki Republik Singapura untuk mengemukakan dokumen perjalanan dan importnya bagi pemeriksaan dan mengemukakan data biometrik;
- (b) untuk menghendaki seseorang yang memasuki Republik Singapura untuk memberikan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki di bawah undang-undang bertulis Republik Singapura bagi kemasukan termasuk perisytiharan dan maklumat dan dokumentasi berkaitan kesihatan;
- (c) untuk menjalankan temu bual bagi maksud fungsi pelepasan kastam, imigresen dan kuarantin dan fungsi keselamatan;
- (d) untuk menjalankan pemeriksaan bagasi, kargo dan pemeriksaan badan dengan persetujuan;

- (e) untuk menafikan kemasukan orang yang tidak diingini ke dalam Republik Singapura termasuk menafikan orang yang tidak diingini itu daripada menaiki mana-mana kereta api Rapid Transit System Link;
- (f) untuk menghendaki seseorang yang memasuki Republik Singapura yang telah dijangkiti atau disyaki mempunyai, atau berisiko mempunyai, suatu penyakit berjangkit yang diisytiharkan sebagai kecemasan kesihatan awam yang membimbangkan di peringkat antarabangsa atau yang membimbangkan Kementerian Kesihatan Kerajaan Republik Singapura untuk menjalani pemeriksaan perubatan atau tertakluk kepada pengasingan atau kuarantin;
- (g) untuk menangkap, menahan, mengiringi atau menyekat, bagi maksud memindahkan tanpa kelengahan tidak wajar kepada pihak berkuasa Kerajaan Malaysia yang berkaitan mana-mana orang yang telah dinafikan kemasukan ke Republik Singapura;
- (h) untuk menangkap, menahan, mengiringi atau menyekat, bagi maksud memindahkan tanpa kelengahan tidak wajar kepada pihak berkuasa Kerajaan Malaysia yang berkaitan mana-mana orang yang disyaki—
 - (i) melakukan suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Republik Singapura yang berhubungan dengan fungsi pelepasan kastam, imigresen dan kuarantin dan fungsi keselamatan;
 - (ii) terlibat dalam insiden yang menyentuh undang-undang dan ketenteraman Malaysia dan Republik Singapura sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Dua Hala; atau

- (iii) mendatangkan bahaya kepada nyawa atau keselamatan manusia;
- (i) untuk menahan, mengiringi atau menyekat, bagi maksud memindahkan tanpa kelengahan tidak wajar kepada pihak berkuasa Kerajaan Malaysia yang berkaitan seseorang yang memasuki Republik Singapura yang telah dijangkiti atau disyaki mempunyai, atau berisiko mempunyai, penyakit berjangkit yang diisytiharkan sebagai kecemasan kesihatan awam yang membimbangkan di peringkat antarabangsa atau yang membimbangkan Kementerian Kesihatan Kerajaan Republik Singapura untuk menjalani pemeriksaan perubatan atau tertakluk kepada pengasingan atau kuarantin;
- (j) untuk menjalankan pemeriksaan badan terhadap seseorang yang ditahan atau disekat jika pegawai penguat kuasa Republik Singapura mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu mendatangkan bahaya kepada nyawa atau keselamatan manusia;
- (k) untuk membawa dan menggunakan alat penahanan seperti belantan, gari fleksi dan gari;
- (l) untuk menggunakan kekerasan yang munasabah dalam menjalankan kuasa di bawah perenggan (g), (h), (i), (j) dan (k); dan
- (m) untuk mengambil dan memindahkan, tanpa kelengahan tidak wajar kepada pihak berkuasa Kerajaan Malaysia yang berkaitan—
 - (i) apa-apa barang larangan atau terkawal yang dikesan semasa pemeriksaan pelepasan kastam, imigresen dan kuarantin atau pemeriksaan badan; dan
 - (ii) apa-apa barang lain yang dikesan semasa menjalankan kuasa di bawah perenggan (h) atau (j).

(2) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “barang larangan atau terkawal” ertinya barang larangan atau terkawal dalam senarai yang disatukan secara bersama oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura; dan
- (b) “Jawatankuasa Dua Hala” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan secara bersama oleh Kerajaan-Kerajaan di bawah Perjanjian Dua Hala.

(3) Bagi maksud melaksanakan tugas rasmi di kawasan ditetapkan di Stesen Woodlands North, seseorang pegawai penguat kuasa Malaysia hendaklah mempunyai kuasa yang sama yang diberikan kepada pegawai penguat kuasa Republik Singapura di bawah seksyen ini.

(4) Pegawai penguat kuasa Republik Singapura yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini boleh—

- (a) atas permintaan oleh pihak berkuasa Kerajaan Malaysia yang berkaitan, membantu untuk menangkap, menahan, mengiringi atau menyekat mana-mana orang di kawasan ditetapkan yang disyaki melakukan suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia bagi maksud memindahkan tanpa kelengahan tidak wajar orang itu kepada pihak berkuasa Kerajaan Malaysia yang berkaitan; atau
- (b) meminta bantuan pihak berkuasa Kerajaan Malaysia yang berkaitan untuk menangkap, menahan, mengiringi atau menyekat mana-mana orang di kawasan ditetapkan dan pihak berkuasa Kerajaan Malaysia yang berkaitan yang menerima permintaan itu, boleh mematuhi permintaan itu.

Undang-undang bertulis yang terpakai di kawasan ditetapkan

12. Bagi maksud pelaksanaan tugas rasmi dan penjalanan kuasa di kawasan ditetapkan oleh pegawai penguat kuasa, undang-undang bertulis yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) dalam hal seorang pegawai penguat kuasa Malaysia di kawasan ditetapkan di Stesen Woodlands North, undang-undang bertulis Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual; dan

- (b) dalam hal seorang pegawai penguat kuasa Republik Singapura di kawasan ditetapkan di Stesen Bukit Chagar, undang-undang bertulis Republik Singapura yang berkaitan yang perlu bagi pelaksanaan fungsi pelepasan kastam, imigresen dan kuarantin dan fungsi keselamatan.

BAHAGIAN V

PENGURUSAN INSIDEN RENTAS SEMPADAN

Pemberitahuan insiden rentas sempadan atau insiden lain

13. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura hendaklah mengemukakan perkembangan semasa kepada satu sama lain—

- (a) mengenai apa-apa insiden rentas sempadan; atau
- (b) mengenai apa-apa insiden lain yang melibatkan pelakuan suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia atau Republik Singapura di atas lintasan Rapid Transit System Link, di atas landasan Rapid Transit System Link, atau di dalam kereta api Rapid Transit System Link semasa dalam transit.

Insiden rentas sempadan atau insiden lain yang berlaku di dalam kereta api Rapid Transit System Link semasa dalam transit

14. (1) Jika suatu insiden rentas sempadan atau apa-apa insiden lain yang melibatkan pelakuan suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia atau Republik Singapura berlaku atau telah berlaku di dalam kereta api Rapid Transit System Link semasa dalam transit—

- (a) Kerajaan Malaysia hendaklah bertanggungjawab untuk menguruskan insiden itu jika perjalanan kereta api Rapid Transit System Link disempurnakan di dalam wilayah Malaysia; atau

- (b) Kerajaan Republik Singapura hendaklah bertanggungjawab untuk menguruskan insiden itu jika perjalanan kereta api Rapid Transit System Link disempurnakan di dalam wilayah Republik Singapura.

(2) Jika suatu insiden rentas sempadan berlaku atau telah berlaku di dalam kereta api Rapid Transit System Link yang dalam perjalanan dari Republik Singapura ke Malaysia tetapi terhenti sebelum Tiang 47 dan tidak dapat menyempurnakan perjalanannya, Kerajaan Republik Singapura hendaklah bertanggungjawab untuk menguruskan insiden rentas sempadan itu.

(3) Jika suatu insiden rentas sempadan berlaku atau telah berlaku di dalam kereta api Rapid Transit System Link yang dalam perjalanan dari Malaysia ke Republik Singapura tetapi terhenti sebelum Tiang 48 dan tidak dapat menyempurnakan perjalanannya, Kerajaan Malaysia hendaklah bertanggungjawab untuk menguruskan insiden rentas sempadan itu.

(4) Jika suatu insiden rentas sempadan berlaku atau telah berlaku di dalam kereta api Rapid Transit System Link semasa dalam transit yang berhenti merentangi Tiang 47 dan Tiang 48 dan tidak dapat menyempurnakan perjalanannya—

- (a) jika muncung kereta api Rapid Transit System Link yang dalam perjalanan dari Republik Singapura ke Malaysia telah melintasi Tiang 47, Kerajaan Malaysia hendaklah bertanggungjawab untuk menguruskan insiden rentas sempadan itu; dan
- (b) jika muncung kereta api Rapid Transit System Link yang dalam perjalanan dari Malaysia ke Republik Singapura telah melintasi Tiang 48, Kerajaan Republik Singapura hendaklah bertanggungjawab untuk menguruskan insiden rentas sempadan itu.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), tidak kira sama ada Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Republik Singapura bertanggungjawab untuk pengurusan insiden rentas sempadan yang berlaku atau telah berlaku di dalam kereta api Rapid Transit System Link semasa dalam transit—

- (a) jika pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Malaysia ialah yang pertama yang tiba di tempat kejadian insiden rentas sempadan yang pengurusannya adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Republik Singapura, dia boleh memulakan operasi tindak balas kecemasan; dan
- (b) jika pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura ialah yang pertama yang tiba di tempat kejadian insiden rentas sempadan yang pengurusannya adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Malaysia, dia boleh memulakan operasi tindak balas kecemasan.

Insiden rentas sempadan atau insiden lain yang berlaku di atas lintasan atau landasan Rapid Transit System Link

15. (1) Jika suatu insiden rentas sempadan atau apa-apa insiden lain yang melibatkan pelakuan suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia atau Republik Singapura berlaku atau telah berlaku di atas lintasan Rapid Transit System Link di antara Tiang 47 dan Tiang 48 atau di atas landasan Rapid Transit System Link di antara Tiang 47 dan Tiang 48, Kerajaan yang pegawai pengurusan insiden rentas sempadannya yang pertama tiba di tempat kejadian insiden rentas sempadan itu hendaklah bertanggungjawab untuk menguruskan insiden rentas sempadan itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini, jika suatu insiden rentas sempadan berlaku atau telah berlaku di atas lintasan Rapid Transit System Link di antara Tiang 47 dan Tiang 48 atau di atas landasan Rapid Transit System Link di antara Tiang 47 dan Tiang 48, pegawai pengurusan insiden rentas sempadan mana-mana Kerajaan yang pertama tiba di tempat kejadian insiden rentas sempadan boleh memulakan operasi tindak balas kecemasan.

Bantuan dan sokongan

16. Jika bantuan atau sokongan dikehendaki oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Republik Singapura dalam menguruskan insiden rentas sempadan di bawah seksyen 14 dan 15, Kerajaan yang menghendaki apa-apa bantuan atau sokongan boleh meminta daripada Kerajaan yang satu lagi untuk memudahkan pengurusan insiden rentas sempadan dan Kerajaan yang menerima permintaan itu hendaklah mematuhi permintaan itu.

Pergerakan rentas sempadan semasa insiden rentas sempadan berlaku

17. (1) Jika menjadi perlu bagi pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Malaysia dalam bertindak balas terhadap atau menguruskan insiden rentas sempadan untuk melintasi Tiang 47 atau bagi pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura untuk melintasi Tiang 48, pegawai pengurusan insiden rentas sempadan masing-masing hendaklah mendapatkan keizinan terlebih dahulu Kerajaan Republik Singapura atau Kerajaan Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebelum berbuat demikian.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), keizinan terlebih dahulu Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Republik Singapura tidak dikehendaki jika insiden rentas sempadan yang disebut dalam subseksyen (1) melibatkan operasi kebakaran atau penyelamatan atau tindak balas terhadap bahan berbahaya atau kecemasan perubatan, dengan syarat bahawa Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Republik Singapura, mengikut mana-mana yang berkenaan, dimaklumkan sebelum pegawai pengurusan insiden rentas sempadan itu melintasi Tiang 47 atau Tiang 48.

(3) Jika insiden rentas sempadan yang disebut dalam subseksyen (2) telah ditentukan selanjutnya turut melibatkan insiden keselamatan awam, pegawai pengurusan insiden rentas sempadan yang telah memasuki wilayah Kerajaan yang satu lagi untuk bertindak balas terhadap atau menguruskan insiden rentas sempadan itu, boleh kekal di wilayah itu sehingga diarahkan selainnya oleh Kerajaan yang bertanggungjawab untuk menguruskan insiden rentas sempadan itu.

Kuasa pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura

18. (1) Seorang pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura hendaklah, dalam melaksanakan tugas pengurusan insiden berkenaan dengan insiden rentas sempadan di dalam wilayah Malaysia—

(a) mempunyai kuasa—

- (i) untuk menjalankan pemeriksaan;
- (ii) untuk membawa senjata api atau melepaskan tembakan;
- (iii) untuk membawa atau menggunakan peralatan renjat atau senjata atau kelengkapan lain yang kurang membawa maut;
- (iv) untuk membawa atau menggunakan senjata atau kelengkapan yang tidak membawa maut;
- (v) untuk mengalihkan apa-apa objek yang menghalang operasi;
- (vi) untuk mengalihkan mana-mana orang yang nyawa, kesihatan atau keselamatannya, atau pada pendapat pegawai pengurusan insiden rentas sempadan mungkin terancam;
- (vii) untuk melarang pergerakan mana-mana orang dan menghentikan pergerakan kereta api atau kenderaan perkhidmatan Rapid Transit System Link;
- (viii) untuk memutuskan bekalan elektrik atau mengarahkan orang yang mempunyai kawalan terhadap bekalan itu untuk memutuskan bekalan elektrik;

- (ix) untuk menghendaki mana-mana orang yang pegawai pengurusan insiden rentas sempadan mempunyai sebab untuk mengesyaki telah terdedah kepada bahan berbahaya untuk menjalani pemeriksaan perubatan atau rawatan perubatan;
 - (x) untuk merampas apa-apa barang yang pegawai pengurusan insiden rentas sempadan mempunyai sebab untuk mengesyaki telah tercemar oleh bahan berbahaya dan melupuskan barang itu; dan
 - (xi) untuk menggunakan kekerasan yang munasabah dalam menjalankan kuasa di bawah subperenggan (i) hingga (x); dan
- (b) mempunyai kuasa di bawah seksyen 11 dengan ubah suaian yang perlu dan setakat mana yang boleh dipakai.
- (2) Pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura boleh menjalankan kuasa di bawah subseksyen (1)—
- (a) di atas lintasan Rapid Transit System Link di antara Tiang 47 dan Tiang 48, termasuk landasan di atasnya;
 - (b) di dalam kereta api atau kenderaan perkhidmatan Rapid Transit System Link semasa dalam transit; dan
 - (c) di mana-mana kawasan sekitar yang dikehendaki secara munasabah untuk pelaksanaan tugas pengurusan insiden berkenaan dengan insiden rentas sempadan.
- (3) Bagi maksud melaksanakan tugas pengurusan insiden di dalam wilayah Republik Singapura, pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Malaysia hendaklah mempunyai kuasa yang sama yang diberikan kepada pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura di bawah seksyen ini.

BAHAGIAN VI

BIDANG KUASA JENYAH

Bidang kuasa jenayah berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan di dalam kereta api Rapid Transit System Link semasa dalam transit dan di atas lintasan dan landasan Rapid Transit System Link

19. (1) Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Republik Singapura boleh menjalankan bidang kuasa jenayahnya berhubung dengan suatu perbuatan atau peninggalan yang merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang bertulis Malaysia atau Republik Singapura jika perbuatan atau peninggalan itu dilakukan di kawasan yang berikut:

- (a) di dalam kereta api Rapid Transit System Link semasa dalam transit tetapi tidak termasuk platform kereta api;
- (b) di atas lintasan Rapid Transit System Link di antara Tiang 47 dan Tiang 48; atau
- (c) di atas landasan Rapid Transit System Link di antara Tiang 47 dan Tiang 48.

(2) Jika suatu perbuatan atau peninggalan yang merupakan kesalahan di bawah undang-undang bertulis Malaysia atau Republik Singapura dilakukan di dalam kawasan yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan Kerajaan-Kerajaan boleh menjalankan bidang kuasa jenayahnya berhubung dengan kesalahan itu, Kerajaan yang di dalam wilayahnya perjalanan kereta api itu disempurnakan hendaklah mempunyai hak utama untuk menjalankan bidang kuasa jenayahnya.

(3) Jika suatu perbuatan atau peninggalan yang merupakan kesalahan di bawah undang-undang bertulis Malaysia atau Republik Singapura melibatkan suatu insiden rentas sempadan dan dilakukan di kawasan yang disebut dalam perenggan (1)(a), (b) atau (c) dan Kerajaan-Kerajaan boleh menjalankan bidang kuasa jenayahnya berhubung dengan kesalahan itu, Kerajaan yang bertanggungjawab untuk menguruskan insiden rentas sempadan yang timbul daripada kesalahan itu hendaklah mempunyai hak utama untuk menjalankan bidang kuasa jenayahnya berhubung dengan kesalahan itu.

(4) Jika mana-mana Kerajaan yang mempunyai hak utama untuk menjalankan bidang kuasa jenayahnya yang disebut dalam subseksyen (2) dan (3) memutuskan untuk tidak menjalankan hak itu, Kerajaan yang membuat keputusan itu hendaklah memaklumkan keputusannya kepada Kerajaan yang satu lagi tanpa kelengahan tidak wajar dan Kerajaan yang satu lagi boleh menjalankan bidang kuasa jenayahnya berhubung dengan kesalahan itu.

(5) Jika Kerajaan yang satu lagi memutuskan untuk tidak menjalankan bidang kuasa jenayahnya di bawah subseksyen (4), Kerajaan yang mempunyai hak utama untuk menjalankan bidang kuasa jenayahnya mempunyai kewajiban untuk menjalankan bidang kuasa jenayahnya mengikut undang-undang bertulisnya.

Bidang kuasa jenayah berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan di kawasan ditetapkan di Stesen Woodlands North

20. Kerajaan Malaysia boleh menjalankan bidang kuasa jenayahnya berhubung dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang bertulis Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual yang dilakukan berkaitan dengan fungsi pelepasan kastam, imigresen dan kuarantin dan fungsi keselamatan di kawasan ditetapkan di Stesen Woodlands North.

Bidang kuasa mahkamah Malaysia

21. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis Malaysia yang lain, apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia yang bidang kuasa jenayahnya diperuntukkan di bawah Akta ini, boleh disiasat atau dibicarakan di hadapan mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten di Malaysia dan jika kesalahan itu dilakukan di luar Malaysia, kesalahan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan di mana-mana tempat di dalam Malaysia.

BAHAGIAN VII

PERLINDUNGAN DAN KEISTIMEWAAN

Perlindungan pegawai penguat kuasa Republik Singapura dan pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura

22. (1) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten di Malaysia atau melalui apa-apa cara pentadbiran terhadap pegawai penguat kuasa Republik Singapura disebabkan atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dalam perjalanan pelaksanaan tugas rasminya di kawasan ditetapkan di Stesen Bukit Chagar.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) yang boleh menghalang apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain atau cara pentadbiran lain yang boleh diambil terhadap pegawai penguat kuasa Republik Singapura itu di Republik Singapura berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dalam perjalanan pelaksanaan tugas rasminya di bawah Akta ini di kawasan ditetapkan di Stesen Bukit Chagar.

(3) Perlindungan yang diberikan kepada pegawai penguat kuasa Republik Singapura di bawah subseksyen (1) hendaklah terus terpakai walaupun pegawai penguat kuasa itu telah terhenti daripada menjadi pegawai penguat kuasa Republik Singapura.

(4) Perlindungan yang diberikan kepada pegawai penguat kuasa Republik Singapura di bawah subseksyen (1) boleh diketepikan oleh Kerajaan Republik Singapura, secara bertulis olehnya sendiri atau atas permintaan oleh Kerajaan Malaysia.

(5) Perlindungan yang diberikan di bawah seksyen ini hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai bagi pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura dalam pelaksanaan tugas pengurusan insiden berkenaan dengan pengurusan insiden rentas sempadan, walaupun pegawai pengurusan insiden rentas sempadan itu tidak berada di dalam wilayah Malaysia.

(6) Bagi maksud pelaksanaan tugas rasmi di kawasan ditetapkan di Stesen Woodlands North dan tugas pengurusan insiden berkenaan dengan insiden rentas sempadan, pegawai penguat kuasa Malaysia dan pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Malaysia hendaklah menikmati perlindungan yang sama yang diberikan kepada pegawai penguat kuasa Republik Singapura dan pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura di bawah seksyen ini.

Perlindungan dokumen rasmi, dsb., Republik Singapura

23. (1) Kerajaan Malaysia hendaklah memastikan bahawa semua dokumen, peranti dan kelengkapan rasmi Kerajaan Republik Singapura tidak boleh dicabul pada setiap masa di kawasan yang berikut di dalam wilayah Malaysia:

- (a) Stesen Bukit Chagar, termasuk kemudahan kastam, imigresen dan kuarantin terletak bersama Kerajaan Republik Singapura;
- (b) kereta api Rapid Transit System Link;
- (c) platform kereta api Rapid Transit System Link;
- (d) tempat letak kereta yang ditetapkan untuk pegawai penguat kuasa Republik Singapura;
- (e) mana-mana laluan pejalan kaki yang menghubungkan mana-mana kawasan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d); dan
- (f) kawasan-kawasan yang disebut dalam subseksyen 18(2).

(2) Kerajaan Republik Singapura hendaklah memastikan bahawa semua dokumen, peranti dan kelengkapan rasmi Kerajaan Malaysia tidak boleh dicabul pada setiap masa di kawasan yang berikut di dalam wilayah Republik Singapura:

- (a) Stesen Woodlands North, termasuk kemudahan kastam, imigresen dan kuarantin terletak bersama Kerajaan Malaysia;
- (b) kereta api Rapid Transit System Link;

- (c) platform kereta api Rapid Transit System Link;
- (d) tempat letak kereta yang ditetapkan untuk pegawai penguat kuasa Malaysia;
- (e) mana-mana laluan pejalan kaki yang menghubungkan mana-mana kawasan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d); dan
- (f) kawasan-kawasan yang disebut dalam subseksyen 18(2).

Perlindungan data

24. (1) Apa-apa maklumat atau data yang dikumpul atau dijana oleh mana-mana pegawai penguat kuasa Republik Singapura dalam pelaksanaan tugas rasminya di kawasan ditetapkan di Stesen Bukit Chagar hendaklah—

- (a) dikira oleh Kerajaan-Kerajaan seolah-olah maklumat atau data itu dikumpul atau dijana di dalam wilayah Republik Singapura; dan
- (b) ditadbir oleh undang-undang bertulis Republik Singapura, termasuk yang berhubungan dengan perlindungan data peribadi dan rahsia rasmi terhadap akses, penggunaan atau pendedahan tanpa kebenaran.

(2) Apa-apa maklumat atau data yang dikumpul atau dijana oleh mana-mana pegawai penguat kuasa Malaysia dalam pelaksanaan tugas rasminya di kawasan ditetapkan di Stesen Woodlands North hendaklah—

- (a) dikira oleh Kerajaan-Kerajaan seolah-olah maklumat atau data itu dikumpul atau dijana di dalam wilayah Malaysia; dan
- (b) ditadbir oleh undang-undang bertulis Malaysia, termasuk yang berhubungan dengan perlindungan data peribadi dan rahsia rasmi terhadap akses, penggunaan atau pendedahan tanpa kebenaran.

(3) Apa-apa maklumat atau data yang terkandung dalam dokumen, peranti atau kelengkapan rasmi Kerajaan Malaysia di dalam kawasan yang disebut dalam perenggan 23(2)(a) hingga (e) di Stesen Woodlands North hendaklah dikira oleh Kerajaan-Kerajaan seolah-olah maklumat dan data itu berada di dalam wilayah Malaysia dan hendaklah ditadbir oleh undang-undang bertulis Malaysia dan dasar Kerajaan Malaysia.

(4) Apa-apa maklumat atau data yang terkandung dalam dokumen, peranti atau kelengkapan rasmi Kerajaan Republik Singapura yang terletak di kawasan yang disebut dalam perenggan 23(1)(a) hingga (e) di Stesen Bukit Chagar hendaklah dikira oleh Kerajaan-Kerajaan seolah-olah maklumat dan data itu berada di dalam wilayah Republik Singapura dan hendaklah ditadbir oleh undang-undang bertulis Republik Singapura dan dasar Kerajaan Republik Singapura.

(5) Perlindungan di bawah seksyen ini hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai bagi—

(a) data yang dikumpul atau dijana oleh pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Malaysia dan pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura dalam pelaksanaan tugas pengurusan insiden mereka berkenaan dengan insiden rentas sempadan; dan

(b) maklumat atau data yang terkandung dalam dokumen, peranti atau kelengkapan rasmi yang digunakan oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Republik Singapura semasa pengurusan insiden rentas sempadan.

Perkiraan yang berhubungan dengan barangan pegawai penguat kuasa Republik Singapura

25. (1) Kerajaan Malaysia hendaklah memudahkan pengeluaran apa-apa perisytiharan, lesen, permit atau kelulusan yang dikehendaki di bawah undang-undang bertulis Malaysia untuk kemasukan dan pengeluaran barangan untuk kegunaan rasmi pegawai penguat kuasa Republik Singapura di kawasan ditetapkan di Stesen Bukit Chagar.

(2) Atas permohonan daripada Kerajaan Republik Singapura, Kerajaan Malaysia hendaklah mengecualikan barangan untuk kegunaan rasmi pegawai penguat kuasa Republik Singapura di kawasan ditetapkan di Stesen Bukit Chagar daripada pembayaran apa-apa duti kastam, duti eksais atau cukai lain di bawah undang-undang bertulis Malaysia.

(3) Seksyen ini hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai bagi barangan untuk kegunaan rasmi pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura dalam pelaksanaan tugas pengurusan insidennya berkenaan dengan suatu insiden rentas sempadan.

(4) Kerajaan Republik Singapura hendaklah membuat perkiraan yang sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen ini untuk terpakai bagi barangan untuk kegunaan rasmi bagi—

- (a) pegawai penguat kuasa Malaysia di kawasan ditetapkan di Stesen Woodlands North; dan
- (b) pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Malaysia dalam pelaksanaan tugas pengurusan insidennya berkenaan dengan suatu insiden rentas sempadan.

Peruntukan yang berhubungan dengan kesalahan terhadap pegawai penguat kuasa Republik Singapura dan pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura

26. Bagi maksud undang-undang bertulis Malaysia yang berhubungan dengan kesalahan yang dilakukan terhadap pekhidmat awam, pegawai penguat kuasa Republik Singapura dan pegawai pengurusan insiden rentas sempadan Republik Singapura hendaklah, semasa melaksanakan tugas rasmi atau tugas pengurusan insidennya berkenaan dengan suatu insiden rentas sempadan di Malaysia, disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

BAHAGIAN VIII

AM

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

27. Menteri boleh membuat apa-apa peraturan-peraturan sebagaimana yang suai manfaat atau perlu bagi memberikan kuat kuasa sepenuhnya atau bagi melaksanakan dengan lebih baik peruntukan Akta ini.

Kuasa untuk meminda Jadual

28. Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi undang-undang bertulis yang berkaitan di Malaysia, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

JADUAL

[Subseksyen 4(1), perenggan 12(a), dan seksyen 20 dan 28]

UNDANG-UNDANG BERTULIS MALAYSIA

1. Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 [Akta 795]
2. Akta Biokeselamatan 2007 [Akta 678]
3. Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122]
4. Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852]
5. Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332]
6. Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [Akta 504]
7. Akta Kastam 1967 [Akta 235]
8. Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234]
9. Akta Penagih dan Penyalah Guna Dadah dan Bahan (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [Akta 283]
10. Akta Eksais 1976 [Akta 176]

11. Akta Penapisan Filem 2002 [*Akta 620*]
12. Akta Makanan 1983 [*Akta 281*]
13. Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*]
14. Akta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 [*Akta 860*]
15. Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [*Akta 728*]
16. Akta Peranti Perubatan 2012 [*Akta 737*]
17. Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 [*Akta 638*]
18. Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*]
19. Akta Pasport 1966 [*Akta 150*]
20. Akta Racun 1952 [*Akta 366*]
21. Akta Polis 1967 [*Akta 344*]
22. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*]
23. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [*Akta 301*]
24. Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 [*Akta 326*]
25. Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*]
26. Akta Jualan Dadah 1952 [*Akta 368*]
27. Akta Perdagangan Strategik 2010 [*Akta 708*]
28. Akta Cap Dagangan 2019 [*Akta 815*]
29. Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*]
30. Akta Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam 2008 [*Akta 686*]
31. Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 [*Akta 641*]
32. Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 [*Akta 154*]
33. Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*]
34. Akta Senjata 1960 [*Akta 206*]
35. Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 [*Akta 298*]

36. Kanun Keseksaan [*Akta 574*]
37. Akta Kesalahan Kecil 1955 [*Akta 336*]
38. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*]
39. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*]
40. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*]